



**LANDSKAP WAKAF DI MALAYSIA: ANTARA LEGASI AGUNG DAN
LITERASI YANG TERHAD DALAM MEMPERKASA INSTITUSI
PENGURUSAN ISLAM**

***THE LANDSCAPE OF WAQF IN MALAYSIA: BETWEEN A NOBLE
LEGACY AND LIMITED LITERACY IN EMPOWERING ISLAMIC
MANAGEMENT INSTITUTIONS***

SURAINI SAUFI

(Corresponding Author)

Faculty of Management and Human Development, Sultan Ismail Petra International
Islamic College (KIAS). Email: suraini@kias.edu.my

NURUL AKMA MOHAMED

Faculty of Syariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic College
(KIAS). Email: trhea@kias.edu.my

MUJIBURRAHMAN MUHAMMAD SALEH

Faculty of Syariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic College
(KIAS). Email: mujiburrahmanmohdsaleh@gmail.com

HAMIDI ABDUL GHANI

Faculty of Syariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic College
(KIAS). Email: al_humaidi011@yahoo.com

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 30TH JUNE 2025; REVISED – 9TH AUG. 2025; ACCEPTED – 12TH JAN. 2026)

ABSTRAK

Wakaf memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi, namun tahap literasi mengenai wakaf dalam kalangan masyarakat sering kali dipersoalkan. Walaupun banyak kajian terdahulu menumpukan kepada aspek tadbir urus, pelaksanaan, inovasi, dan sumbangan wakaf kepada masyarakat, kurangnya penekanan diberikan terhadap tahap kefahaman masyarakat mengenai konsep dan peraturan wakaf. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap literasi wakaf dalam empat tema literasi iaitu Hukum dan Syarat Wakaf, Jenis dan Bentuk Harta Wakaf, Kebolehan Mengubah Harta Wakaf dan Pembangunan Ekonomi dan Impak Sosial. Kaedah kuantitatif melalui kaedah pengumpulan

data menggunakan borang kaji selidik telah diedarkan kepada responden dari seluruh Malaysia. Seramai 280 responden telah memberi maklum balas terhadap kajian ini. Data ini dianalisis secara deskriptif melalui nilai min (mean). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap literasi wakaf secara umum berada pada tahap yang sederhana, dengan kekurangan kefahaman yang signifikan dalam aspek perundangan dan tatacara pelaksanaan. Kajian ini turut mendapati bahawa literasi yang rendah boleh menyekat pembangunan inovasi dalam sektor wakaf dan mengurangkan sumbangan masyarakat. Sumbangan kajian ini terletak pada cadangan strategik yang dicadangkan, seperti program pendidikan dan kesedaran yang lebih komprehensif, yang boleh membantu meningkatkan tahap literasi dan seterusnya memaksimumkan manfaat wakaf dalam kalangan masyarakat. Implikasi kajian ini diharapkan dapat membantu institusi pengurusan wakaf merancang inisiatif yang lebih berfokus untuk menggalakkan penglibatan masyarakat secara lebih aktif.

Keywords: wakaf, literasi, tadbir urus, inovasi

ABSTRACT

Waqf plays a significant role in socio-economic development, yet the level of literacy about waqf among the community is often questioned. While many previous studies focus on governance, implementation, innovation, and the contributions of waqf to society, less attention has been given to the public's understanding of the concepts and regulations of waqf. This study aims to analyze the level of waqf literacy across four themes: Laws and Conditions of Waqf, Types and Forms of Waqf Assets, Flexibility in Modifying Waqf Properties, and Economic Development and Social Impact. A quantitative approach was employed, with data collected via survey questionnaires distributed to respondents across Malaysia. A total of 280 responses were obtained for this study. The data were analyzed descriptively using mean values. The findings indicate that the overall level of waqf literacy is moderate, with significant gaps in understanding legal aspects and implementation procedures. The study also finds that low literacy levels can hinder innovation in the waqf sector and reduce community contributions. This study's contribution lies in its strategic recommendations, such as more comprehensive educational and awareness programs, which can help enhance literacy levels and maximize the benefits of waqf within the community. The implications of this study are expected to assist waqf management institutions in planning more focused initiatives to encourage greater community engagement.

Keywords: waqf, literacy, governance, innovation

PENDAHULUAN

Waqaf, secara ringkas, boleh didefinisikan sebagai harta yang disumbangkan di jalan Allah untuk dimanfaatkan oleh orang ramai (Pratama, 2024: Marwal, 2024 dan Fitriyah, Masriyah, Saroyah & Yuliana, 2024). Ia adalah suatu sistem muamalat Islam yang wajar dikaji dan dibangunkan sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang mampu menaiktaraf ekonomi negara, negeri, dan masyarakat (Masruroh, Nanggur & Ngamal, 2024 dan Syah, Piranda, Anes & Zulfikar, 2024). Wakaf juga merupakan salah satu daripada instrumen kewangan dalam Siyashah Maliyyah iaitu polisi fiskal negara dalam Islam. Menurut catatan sejarah, waqaf yang pertama di dalam Islam telah dilaksanakan sendiri oleh Nabi Muhammad SAW melalui pembinaan Masjid Quba' dan kemudian diikuti pula oleh pembinaan Masjid Nabawi di Madinah. Pembinaan dua masjid terawal di dalam sejarah Islam melalui kaedah waqaf ini adalah sangat penting di dalam pembangunan masyarakat kerana masjid-masjid tersebut telah terbukti keberkesananannya sebagai pusat pentadbiran masyarakat.

Dari sudut ibadah pula, para Fuqaha' berpandangan bahawa amalan waqaf mempunyai dua matlamat asas iaitu: pertama, untuk menyumbang kepada kebajikan masyarakat yang tertentu, dan kedua adalah sumber bekalan pahala secara berterusan untuk dibawa menghadap Allah kelak. Meskipun sumbangan waqaf tidaklah diwajibkan terhadap umat Islam, namun ia merupakan satu bentuk pengabdian kepada Allah yang telah diberi jaminan bahawa penyumbangannya akan mendapat pahala yang berterusan walaupun sesudah meninggal dunia. Dari sudut yang berbeza, waqaf adalah suatu sistem kewangan yang menggalakkan umat Islam supaya menyumbang sebahagian daripada harta mereka untuk tujuan pembangunan masyarakat seperti pembinaan masjid, hospital dan klinik kesihatan, penginapan sementara, koperasi, perpustakaan dan sebagainya. Selain itu, waqaf juga berperanan sebagai penggerak ekonomi ummah melalui pembinaan sekolah, universiti, pusat latihan, dan sebagainya yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam untuk menguasai ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Salah satu contoh kejayaan sistem waqaf yang masyhur ialah pembinaan dan operasi Universiti Al-Azhar yang hampir keseluruhannya ditaja oleh dana wakaf yang diuruskan oleh Kementerian Waqaf Mesir (Mujiburrahman, 2016).

Di Malaysia, kesedaran terhadap amalan berwakaf telah lama sebatik di dalam kehidupan masyarakat. Ini terbukti dengan wujudnya tanah-tanah yang telah diwakafkan oleh generasi yang lampau. Namun amalan wakaf hanya dilihat

tertumpu pada sudut ibadat khusus sahaja dengan terbinanya masjid serta surau wakaf, tanah perkuburan dan sekolah agama (Saharudin, Saifoul, 2003).

Nor Aishah et al., (2015) dalam kajiannya mengenai amalan wakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Bharu Kelantan menyatakan bahawa Kelantan merupakan antara negeri yang mempunyai populasi penduduk Islam yang ramai. Nilai tanah wakaf di Kelantan juga merupakan antara tiga negeri tertinggi di Malaysia walaupun jumlah keseluruhannya begitu sedikit berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Ia juga menunjukkan bahawa tanah yang diwakafkan merupakan tanah yang berada di lokasi strategi. Namun demikian sebanyak 70 peratus daripada tanah wakaf yang didaftarkan diklasifikasikan sebagai tidak aktif kerana tanah tersebut di wakafkan bagi tujuan rumah ibadat seperti masjid atau surau dan tanah perkuburan sahaja (Portal Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, 2013).

Berikutan dengan peredaran masa dan perkembangan dunia kewangan Islam yang menyeluruh, wakaf sendiri telah melalui proses inovasinya yang tersendiri. Inovasi wakaf di Kelantan sebagai contoh, bermula dengan pengenalan kepada wakaf tunai pada tahun 2015, diikuti dengan pembayaran wakaf secara atas talian. Wakaf tunai tersebut bertujuan mengutip dana bagi pelaksanaan Projek Pembangunan Waqaf untuk pembinaan Pondok Bunut Payong bernilai RM5.6 juta, di Mukim Pintu Geng, Kampung Bunut Payong (Berita Harian, 2015). Walaubagaimanapun, ramai pengkaji menyarankan agar pengurusan wakaf tunai dibangunkan dengan lebih berkesan oleh institusi pengurusan wakaf (Khamis & Che Mohd Salleh, 2018) dan pelaksanaan projek-projek serta inovasi ini perlulah diikuti dengan peningkatan literasi masyarakat bagi menjayakannya. Justeru, Kajian ini dibuat bagi mengenalpasti tahap literasi di kalangan masyarakat mengenai wakaf. Makna literasi telah mengalami pelbagai inovasi seiring dengan perkembangan masa. Dalam konteks kajian ini, literasi merujuk kepada keupayaan memahami, menggunakan, dan mengaplikasikan pengetahuan atau kemahiran dalam pelbagai konteks kehidupan sehari-hari (Herawati, 2020).

SOROTAN KAJIAN

Sebelum ini, kebanyakan kajian yang dilakukan lebih tertumpu kepada perundangan serta isu-isu semasa mengenainya (Yusoff et al., 2019; Khamis & Che Mohd Salleh, 2018; Mahmood et al., 2017; Nor Aishah et al., 2015). Topik tentang kesedaran masyarakat hanya terdapat di ruangan kesimpulan atau saranan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kajian mengenai kefahaman masyarakat mengenai institusi ini. Kebanyakan hasil kajian mendapati bahawa

tahap kefahaman masyarakat terhadap hal ini adalah di tahap sederhana (Fatin et al., 2017).

Kesedaran serta kefahaman masyarakat dalam sesuatu perkara merupakan tunggak atau asas kepada kejayaan sesebuah negara di dalam pembangunan ekonomi. Ini kerana masyarakat sebagai penduduk di sesebuah negara bertindak selaku agen ekonomi. Oleh itu, tahap kefahaman masyarakat perlulah diambil berat dalam menjayakan sesuatu objektif. Ini juga membuktikan masyarakat masih belum sedar nilai sebenar institusi wakaf. Masih terdapat lagi golongan yang keliru di antara wakaf dan sedekah sedangkan kedua-duanya mempunyai perbezaan serta konsepnya yang tersendiri (Iqbal, 2024). Kelayakan orang bukan Islam dalam menerima manfaat wakaf juga masih dipersoalkan oleh masyarakat. Ini membuatkan skop wakaf menjadi lebih kecil dari yang sepatutnya.

Dewasa ini, kajian mengenai wakaf sangat mendapat perhatian para akademik, terbukti dengan pertambahan kajian-kajian terkini dalam pelbagai aspek. Carian di Google Scholar sahaja menunjukkan sebanyak 3,550 artikel diterbitkan dari tahun 2020 hingga 2024. Penyelidik telah memberi fokus kepada pelbagai isu seperti hukum dan fatwa, sejarah, teori, tadbir urus, ekonomi Islam, pelaksanaan, inovasi, aspek perundangan, dan impak sumbangan wakaf kepada masyarakat. Kajian-kajian ini mencerminkan keprihatinan terhadap peranan strategik wakaf dalam pembangunan sosio-ekonomi. Kajian-kajian terdahulu turut menekankan aspek teori dan sejarah waqf (Fadilah et. al, 2024; Rahmah et. al, 2024; Iskandar, 2020 dan Setyorini dan Kurniawan, 2022).

Teori Literasi Kewangan (*Financial Literacy Theory*) oleh Lusardi dan Mitchell (2014), yang menegaskan bahawa literasi kewangan ialah pelaburan modal insan yang mempengaruhi tingkah laku dan keputusan ekonomi. Dalam konteks wakaf, teori ini diadaptasi dengan menambah dimensi khusus yang meliputi pengetahuan hukum dan syarat wakaf, jenis dan bentuk harta wakaf, kebolehan mengubah harta wakaf, serta pembangunan ekonomi dan impak sosial. Teori Tadbir Urus Wakaf (*Waqf Governance Theory*) pula sebagaimana dihuraikan oleh Hassan, Kassim dan Majid (2018), yang menekankan keperluan ketelusan, akauntabiliti, dan pematuhan Syariah sebagai asas keberkesanan pengurusan wakaf. Gabungan kedua-dua teori ini membentuk asas konseptual bagi menilai tahap literasi wakaf dan implikasinya terhadap keberkesanan pengurusan wakaf di Malaysia.

Kajian-kajian terkini pula tampil dengan pelbagai terma wakaf yang berinovasi. Contohnya adalah kajian oleh Ab Hamid, Rani, Rosli, Adenan & Remly (2024) yang meneliti potensi waqf zurri sebagai instrumen pembangunan

ekonomi mampan di Malaysia. Waqf zurri dapat memperkukuhkan institusi keluarga dan komuniti dengan menyumbang kepada pengagihan kekayaan, kestabilan kewangan, dan pengurangan kemiskinan. Melalui analisis kualitatif, satu wawancara mendalam dengan pakar waqf, pihak berkepentingan dan penerima manfaat dilakukan untuk memahami cabaran dan pengalaman pelaksanaan waqf *zurri*. Model pengurusan berjaya menunjukkan pembangunan aset dan pelaburan semula komuniti, menawarkan panduan berguna kepada pembuat dasar dan institusi Islam bagi mengoptimumkan manfaat waqf zurri.


Kajian mutakhir juga telah meneliti bagaimana pengurusan wakaf yang cekap dapat memanfaatkan komuniti dan memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf (Hasbullah et al., 2024; Mohamad & Adnan, 2024; Saufi et al., 2021). Prestasi institusi ini juga akan lebih meningkatkan kebolehpercayaan oleh masyarakat dengan kerangka piawaian dalam pelaporan kewangan wakaf yang mengamalkan ketelusan dan akauntabiliti. Pelbagai amalan pengurusan dan perbezaan dalam pelaporan kewangan serta penilaian aset di kalangan entiti wakaf menghalang perbandingan dan kebolehpercayaan. Mohd Roslan dan Nor Muhamad (2024) menyelidiki pelaporan wakaf, menyoroti sifat unik aset dan transaksi wakaf. Kajian menyatakan terdapat kekurangan garis panduan secara holistik telah menghalang piawaian, dengan isu seperti variasi metodologi penilaian aset dan perbezaan pelaporan kewangan. Kajian ini bertujuan menyumbang kepada pembangunan garis panduan menyeluruh, mempromosikan konsistensi dan kejelasan dalam pelaporan wakaf untuk tadbir urus yang berkesan.

Keperluan kepada pengurusan terbaik daripada institusi pengurusan wakaf adalah agak mendesak lebih-lebih lagi sekarang ini diperkenalkan pelbagai jenis wakaf yang baru seperti wakaf ekonomi (Mohamed et al., 2022), wakaf produktif dan wakaf pertanian (Abiba & Suprayitno, 2024) dan wakaf tunai (Kamaluddin & Azhari, 2024; Ahyani, Putra, Abdurohman, Mutmainah & Slamet, 2024). Wakaf-wakaf ini berpotensi untuk penambahbaikan untuk kepentingan masyarakat, negara dan agama. Potensi pembangunan projek wakaf pertanian dan penternakan adalah contoh yang jelas selaras dengan matlamat pembangunan mampan untuk menghasilkan pertanian mampan dan sekuriti bekalan makanan masyarakat dan negara. Pembangunan dan pengurusan projek ini bertujuan menambah baik kuantiti dan kualiti pemakanan sekaligus menghentikan isu kebuluran. Tambahan lagi, isu kenaikan harga sumber protein dan pertanian seperti ayam dan sayuran baru-baru ini telah membebankan pengguna. Antara penyumbang kepada permasalahan ini adalah permintaan dan

penawaran yang tidak seimbang dan penggantungan terhadap import dari luar negara (Mohamed Yusof et al., 2024).

Selari dengan perkembangan teknologi canggih yang berkembang pesat, fungsi wakaf juga mula digabungkan menggunakan teknologi kewangan *blockchain* untuk memperoleh dana dengan cara yang lebih berkesan serta meningkatkan kualiti pengurusan dana wakaf. Wakaf *blockchain* telah mula dilaksanakan di Malaysia. Namun masih belum ada peruntukan dalam akta dan enakmen negeri untuk membicarakan pengawal seliaan wakaf menggunakan teknologi ini. Sehubungan itu kajian Mohd Ariff, Markomii, Mohd Arif dan Adenan (2024) dilakukan untuk mengenal pasti definisi dan konsep wakaf *blockchain* dan menganalisis cabaran perundangan transaksi wakaf *blockchain* di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa suatu perundangan yang jelas bagi membicarakan tentang definisi, operasi dan garis panduan wakaf *blockchain* harus diwujudkan untuk mengatasi kelompangan dalam wakaf *blockchain* ini. (Hamizah et al., 2024). Keperluan kepada perundangan yang jelas ini turut mendesak institusi pengurusan wakaf untuk lebih progresif lebih-lebih lagi dalam keadaan literasi masyarakat berkenaan wakaf masih belum cukup jelas. Maka, kepelbagaian topik dalam kajian wakaf oleh ahli akademik adalah suatu perkembangan yang positif. Situasi ini menunjukkan minat yang mendalam dalam memastikan wakaf dapat terus relevan dan memberi impak positif dalam masyarakat moden sekaligus meningkatkan literasi wakaf dalam kalangan masyarakat.

Berdasarkan perbincangan dan sorotan kajian di atas, skop kajian ini meninjau beberapa sudut literasi di kalangan masyarakat. Sebanyak empat tema atau sudut dalam literasi wakaf digunakan iaitu i) hukum dan syarat wakaf, ii) pembangunan ekonomi dan impak sosial, iii) jenis dan bentuk harta wakaf serta iv) kebolehan mengubah harta wakaf. Model kajian adalah seperti di Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Model Kajian Literasi Wakaf

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan adalah pendekatan kaedah kuantitatif dengan menggunakan analisis deskriptif. Pendekatan kuantitatif melibatkan pengumpulan data primer melalui soal selidik berstruktur yang diedarkan dalam bentuk *Google Form* melalui atas talian kepada responden yang dipilih secara rawak daripada pelbagai latar belakang demografi di Malaysia. Soal selidik ini menilai pengetahuan masyarakat Malaysia mengenai wakaf dari sudut konsep asas sahaja. Seramai 280 responden telah memberi maklum balas terhadap kajian. Instrumen kajian ini diadaptasi dari Ahmad Fatin, Safura, Aizham, Hazlin Falina (2017) Fathullah Al Haq, Jasni Sulong, (2017), dan Asharaf, Abdulaah Jalil, (2017) serta Singh & Sirdeshmukh (2000) dengan keseluruhan 21 soalan yang menggunakan 5 skala Likert dan dari bermula dengan sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, sangat setuju. Data yang diperolehi dianalisis secara statistik menggunakan perisian SPSS dengan analisis kekerapan, min, dan sisihan piawai untuk setiap pembolehubah seperti di Jadual 1. Tujuannya adalah untuk memahami tahap dan pola data yang berkaitan dengan pembolehubah yang dikaji (Shafi, 2024 dan Bougie & Sekaran, 2020).

Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai tahap literasi wakaf responden tanpa melibatkan pengujian hubungan sebab-akibat, justeru pendekatan ini sesuai bagi memberikan gambaran yang jelas tentang tahap pengetahuan, kefahaman, dan kesedaran yang wujud dalam populasi kajian. Kaedah kajian deskriptif turut dipilih oleh penyelidik-penyelidik wakaf yang lain seperti Assahrah, Suarni & MR (2024) untuk analisis kefahaman literasi wakaf tunai di Indonesia dan Melinda (2024) untuk kajian pengaruh digitalisasi terhadap pengelolaan wakaf wang pada badan wakaf Indonesia.

Jadual 1: Tafsiran Nilai Skor Min

Skor Min	Tafsiran
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

HASIL DAPATAN

Dapatan analisis deskriptif ini menggunakan analisis skor min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap literasi wakaf dalam empat sudut : i) hukum dan syarat wakaf, ii) pembangunan ekonomi dan impak sosial, iii) jenis dan bentuk harta

wakaf serta iv) kebolehan mengubah harta wakaf dalam kalangan responden yang terlibat. Hasil analisis tahap literasi wakaf adalah seperti di Jadual 1 hingga 4 di bawah dengan paparan min, sisihan piawai (S.P.) dan tafsiran.

Tahap Literasi Wakaf dari Sudut Hukum dan Syarat- syaratnya

Jadual 2 menunjukkan min keseluruhan 2.73 bagi tahap kefahaman mengenai hukum dan syarat wakaf adalah sederhana rendah. Item dengan min tinggi, seperti “fizikal harta wakaf hendaklah berkekalan” (4.03) dan “syarat sah wakaf berlainan dengan sedekah” (3.95), menunjukkan kefahaman yang baik. Namun, item seperti “seseorang yang dipaksa mewakafkan hartanya dikira sebagai wakaf” (2.32) dan “harta yang disewa atau dipinjam dibenarkan untuk berwakaf” (2.43) mencerminkan kekeliruan dan kekurangan pengetahuan. Kefahaman tentang “harta wakaf hanya untuk tujuan ibadah” (2.67) juga agak terhad, menunjukkan salah anggapan. Skor rendah ini berkemungkinan kerana ramai masih menyangka wakaf hanya untuk membina masjid atau tujuan keagamaan semata-mata, tanpa mengetahui ia juga boleh digunakan untuk pendidikan, kesihatan dan pembangunan ekonomi. Walaupun ada kesedaran tentang wasiat harta melebihi 1/3 (3.70), usaha meningkatkan literasi hukum wakaf masih diperlukan untuk mengatasi kelemahan dalam aspek-aspek ini.

Jadual 2: Hukum dan Syarat Wakaf

Bil.	Item	Min	S.P	Tafsiran
1	Syarat sah wakaf adalah berlainan dengan sedekah.	3.95	0.933	Sederhana Tinggi
2	Fizikal harta wakaf hendaklah berkekalan.	4.03	0.928	Tinggi
3	Seseorang yang dipaksa mewakafkan hartanya dikira sebagai wakaf.	2.32	1.220	Sederhana Rendah
4	Harta yang disewa atau dipinjam dibenarkan untuk berwakaf dengannya.	2.43	1.300	Sederhana Rendah
5	Seseorang dibenarkan mewasiatkan hartanya untuk diwakafkan, melebihi 1/3 daripada jumlah hartanya.	3.70	0.996	Sederhana Tinggi
6	Harta wakaf boleh dibangunkan bagi tujuan ibadah sahaja.	2.67	1.273	Sederhana Rendah
	Purata min	2.73	0.896	Sederhana Rendah

Tahap Literasi Wakaf dari Sudut Pembangunan Ekonomi dan Impak Sosial

Dengan min keseluruhan 3.54 di Jadual 3, tahap kefahaman tentang Pembangunan Ekonomi dan Impak Sosial wakaf berada pada tahap sederhana tinggi. Item seperti “seseorang yang berwakaf memperoleh kebajikan berkekalan hingga selepas meninggal dunia” (4.38) dan “pembangunan ekonomi melalui harta wakaf memberi sumbangan kepada negara” (4.08) menunjukkan kefahaman kuat. Pengetahuan tentang “orang miskin boleh melakukan wakaf tunai” (3.66) dan “orang bukan Islam boleh mendapat manfaat daripada harta wakaf” (3.63) juga relatif baik. Namun, item “pewakaf hanya mewakafkan untuk keluarga” (2.45) dan “wakaf korporat di Malaysia sebagai yang pertama di dunia” (3.09) memperlihatkan kefahaman yang lebih rendah, menandakan perlunya peningkatan literasi tentang peranan wakaf dalam konteks sosial dan ekonomi.

Jadual 3: Pembangunan Ekonomi dan Impak Sosial

Bil.	Item	Min	S.P	Tafsiran
1	Orang bukan Islam boleh mendapatkan manfaat daripada harta wakaf.	3.63	1.111	Sederhana Tinggi
2	Pewakaf dibenarkan mewakafkan hartanya untuk manfaat ahli keluarganya sahaja.	2.45	1.182	Sederhana Rendah
3	Orang miskin boleh melakukan wakaf tunai.	3.66	0.983	Sederhana Tinggi
4	Seseorang yang berwakaf akan memperoleh kebajikan yang berkekalan sehingga selepas meninggal dunia.	4.38	0.803	Tinggi
5	Pembangunan ekonomi melalui harta wakaf dapat memberi sumbangan kepada negara.	4.08	0.876	Tinggi
6	Wakaf korporat di Malaysia merupakan yang pertama dilaksanakan oleh institusi korporat di dunia.	3.09	1.098	Sederhana Tinggi
	Purata min	3.54	1.008	Sederhana Tinggi

Tahap Literasi Wakaf dari Sudut Jenis dan Bentuk Harta Wakaf

Dengan min keseluruhan 2.58 di Jadual 4, tahap kefahaman masyarakat mengenai Jenis dan Bentuk Harta Wakaf adalah sederhana rendah. Item dengan

min terendah, seperti “harta wakaf terhad dalam bentuk bangunan sahaja” iaitu 2.13 dan “harta wakaf terhad dalam bentuk tanah atau bangunan sahaja” dengan nilai min 2.23, menunjukkan kekeliruan signifikan tentang fleksibiliti jenis harta yang boleh diwakafkan. Walaupun ada sedikit kefahaman tentang “wakaf tunai boleh ditukarkan kepada harta tak alih” (2.97) dan “wakaf saham boleh ditukarkan kepada harta tak alih” (2.98), tahap pengetahuan ini masih tidak memadai. Hasil ini mencerminkan perlunya pendidikan yang lebih mendalam tentang pelbagai bentuk harta yang boleh diwakafkan dan fleksibiliti penggunaannya.

Jadual 4: Jenis dan Bentuk Harta Wakaf

Bil.	Item	Min	S.P	Tafsiran
1	Harta wakaf terhad dalam bentuk tanah atau bangunan sahaja.	2.23	1.197	Sederhana Rendah
2	Harta wakaf terhad dalam bentuk bangunan sahaja.	2.13	1.189	Sederhana Rendah
3	Wakaf tunai boleh ditukarkan kepada bentuk harta tak alih.	2.97	1.196	Sederhana Rendah
4	Wakaf saham boleh ditukarkan kepada bentuk harta tak alih.	2.98	1.122	Sederhana Rendah
	Purata min	2.58	1.176	Sederhana Rendah

Tahap Literasi Wakaf dari Sudut Kebolehan Mengubah Harta Wakaf

Jadual 5 adalah hasil analisis tahap kefahaman tentang Kebolehan Mengubah Harta Wakaf. Dengan min keseluruhan 2.46, nilai ini adalah rendah. Skor tertinggi pada item “seseorang yang telah berwakaf boleh membatalkan wakafnya semula” (2.86) menunjukkan ada sedikit kefahaman, tetapi tetap rendah, tentang ketidakbolehan membatalkan wakaf setelah dilakukan. Item-item lain seperti “harta wakaf boleh dijual” (2.15), “harta wakaf boleh digada” (2.20), dan “harta wakaf boleh dihadiahkan” atau “dipindahmilik” (2.54) menunjukkan kefahaman yang sangat terhad dan kekeliruan dalam hal kebolehan mengubah status harta wakaf. Ini menunjukkan perlunya peningkatan kefahaman dalam aspek hukum wakaf, terutama mengenai ketidakbolehan mengubah, menjual atau memindahkan harta yang telah diwakafkan.

Jadual 5: Kebolehan Mengubah Harta Wakaf

Bil.	Item	Min	S.P	Tafsiran
1	Seseorang yang telah berwakaf boleh membatalkan wakafnya semula.	2.86	1.159	Sederhana Rendah
2	Harta wakaf boleh dijual.	2.15	1.166	Sederhana Rendah
3	Harta wakaf boleh dihadiahkan.	2.54	1.351	Sederhana Rendah
4	Harta wakaf boleh digadai.	2.20	1.178	Sederhana Rendah
5	Harta wakaf boleh dipindahmilik.	2.54	1.266	Sederhana Rendah
	Purata min	2.46	1.224	Sederhana Rendah

PERBINCANGAN DARIPADA HASIL DAPATAN

Hasil dapatan menunjukkan bahawa literasi wakaf masyarakat di Malaysia berada pada tahap sederhana rendah, dengan min keseluruhan 2.83. Tema Hukum dan Syarat Wakaf (2.73) dan Jenis dan Bentuk Harta Wakaf (2.58) mencerminkan kekeliruan dalam kefahaman tentang syarat dan fleksibilitas harta wakaf. Kebolehan Mengubah Harta Wakaf (2.46) menunjukkan kefahaman yang paling rendah, menandakan banyak yang masih kurang memahami aspek ketidakbolehan mengubah status harta yang telah diwakafkan. Hanya tema Pembangunan Ekonomi dan Impak Sosial (3.54) menunjukkan tahap literasi yang lebih baik, menandakan kesedaran akan potensi wakaf dalam pembangunan ekonomi. Ini mencetuskan persoalan tentang bagaimana tahap literasi ini berkait dengan aspek tadbir urus, pelaksanaan, inovasi, perundangan, dan sumbangan wakaf yang telah banyak dibincangkan dalam kajian-kajian lepas.

Tadbir urus memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap wakaf. Kajian oleh Jusoh dan Mat (2024) dan Kamarzaman et al. (2024) menekankan bahawa ketelusan dan kecekapan dalam tadbir urus institusi wakaf berkait rapat dengan kepercayaan dan penglibatan masyarakat. Literasi wakaf yang rendah, seperti yang ditunjukkan dalam hasil analisis, boleh mencerminkan kekurangan maklumat atau ketidakmampuan institusi untuk menyampaikan aktiviti mereka dengan jelas. Oleh itu, cadangan untuk meningkatkan ketelusan dalam laporan tahunan dan menyediakan bahan

komunikasi yang mesra pengguna adalah penting untuk menguatkan literasi wakaf.

Dalam aspek pelaksanaan pula, literasi wakaf yang sederhana membayangkan bahawa masyarakat mungkin kurang memahami prosedur praktikal berkaitan wakaf, termasuk cara berwakaf dan memanfaatkan inisiatif yang ditawarkan. Kajian oleh Hamid et al. (2024) dan Jusoh dan Mat (2024) juga mendapati bahawa masyarakat yang kurang memahami proses pelaksanaan cenderung untuk tidak terlibat dalam wakaf. Ini menunjukkan perlunya program pendidikan yang lebih komprehensif, seperti bengkel dan sesi penerangan yang menyasarkan pelbagai kumpulan umur dan latar belakang.

Dari segi inovasi, tahap literasi yang sederhana boleh menjadi penghalang kepada penerimaan teknologi moden dalam pengurusan wakaf. Menurut kajian oleh Johori et al. (2024) dan Nuradi et al., (2024), penggunaan teknologi seperti platform digital untuk pengumpulan wakaf memerlukan kefahaman asas tentang konsep dan cara penggunaan. Jika tahap literasi wakaf dalam kalangan masyarakat tidak mencukupi, inovasi-inovasi ini mungkin tidak dapat dioptimumkan. Oleh itu, peningkatan literasi digital yang selari dengan literasi wakaf adalah penting bagi memastikan masyarakat dapat memanfaatkan teknologi dalam amalan wakaf.

Dalam konteks perundangan, hasil analisis menunjukkan bahawa masyarakat kurang memahami aspek perundangan yang berkaitan dengan wakaf, seperti peraturan pengurusan dan perlindungan aset wakaf. Kajian oleh Basiron et al. (2024), Ibrahim dan Ab Rahman (2024) dan Mohamad dan Adnan (2024) menunjukkan bahawa ketidakpastian terhadap undang-undang ini boleh mengurangkan kepercayaan masyarakat terhadap keselamatan dan keberkesanan wakaf. Oleh itu, institusi pengurusan wakaf perlu mengadakan kempen kesedaran yang memberi tumpuan kepada hak dan tanggungjawab dalam konteks perundangan.

Dari perspektif sumbangan kepada masyarakat, literasi wakaf yang lebih tinggi berkait rapat dengan kesediaan individu untuk menyumbang kepada wakaf dan menyokong inisiatif wakaf sosial. Literasi yang rendah, seperti yang dikesan dalam analisis, mungkin menunjukkan bahawa masyarakat tidak sepenuhnya sedar tentang manfaat sosial wakaf atau bagaimana sumbangan mereka boleh membantu komuniti (Jusoh & Mat, 2024; Saufi et al., 2021). Oleh itu, institusi wakaf perlu menggariskan impak positif sumbangan wakaf melalui kempen pencerahan dan penglibatan masyarakat yang lebih proaktif.

Kekangan dasar dan polisi wakaf semasa yang belum cukup menekankan aspek pendidikan dan penyebaran maklumat secara menyeluruh juga

menyumbang kepada tahap literasi yang sederhana ini. Polisi yang lebih menumpukan kepada pelaksanaan wakaf tradisional seperti pembinaan masjid dan tanah perkuburan tanpa strategi agresif untuk mempromosikan kepelbagaian fungsi wakaf, telah menghadkan kefahaman masyarakat terhadap potensi sebenar instrumen ini. Kekurangan inisiatif bersepadu antara pihak berkuasa agama, institusi pendidikan dan media dalam meningkatkan literasi wakaf juga menjadi faktor yang membantutkan tahap pengetahuan dan penglibatan masyarakat.

Secara keseluruhannya, tahap literasi wakaf yang dianalisis menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam aspek tadbir urus, pelaksanaan, inovasi, perundangan, dan sumbangan kepada masyarakat. Pendekatan strategik yang menyeluruh dan bersepadu diperlukan untuk memastikan literasi wakaf dipertingkatkan, seterusnya menguatkan peranan wakaf dalam masyarakat.

KESIMPULAN

Dapatan kajian yang menunjukkan tahap literasi wakaf berada pada tahap sederhana, dengan kekurangan ketara dalam aspek perundangan dan tatacara pelaksanaan, memberikan pengukuhan dan peluasan kepada kerangka Teori Literasi Kewangan (Lusardi & Mitchell, 2014) dengan memasukkan dimensi literasi berasaskan Syariah. Penyesuaian ini menegaskan bahawa dalam konteks wakaf, literasi bukan sahaja merangkumi pengetahuan kewangan umum tetapi juga kefahaman hukum, syarat, dan prosedur pelaksanaan yang mematuhi prinsip Syariah. Selain itu, dapatan ini turut menyokong Teori Tadbir Urus Wakaf (Hassan, Kassim & Majid, 2018) dengan menunjukkan bahawa kelemahan literasi dalam aspek perundangan berpotensi menjejaskan ketelusan, akauntabiliti, dan sokongan masyarakat terhadap pengurusan wakaf. Justeru, kajian ini menyumbang secara teori dengan memperkayakan kedua-dua kerangka tersebut melalui integrasi dimensi literasi hukum dan prosedur sebagai komponen penting dalam model pengurusan wakaf berkesan.

Menerapkan pengetahuan yang mendalam dalam literasi wakaf sangat penting untuk memastikan potensi wakaf dapat dimaksimumkan demi manfaat masyarakat. Literasi yang mencukupi mendorong penglibatan aktif masyarakat dalam inisiatif wakaf, meningkatkan ketelusan dalam tadbir urus, serta membolehkan pelaksanaan yang lebih efektif oleh institusi. Pendidikan dan penyuluhan tentang wakaf perlu diperkuat melalui program pendidikan awam, seminar, dan kerjasama dengan institusi keagamaan dan akademik.

Di samping itu, media massa dan platform digital boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat yang mudah diakses dan difahami. Memperkenalkan

modul pendidikan wakaf dalam kurikulum sekolah juga boleh menjadi langkah jangka panjang yang strategik. Dengan meningkatkan literasi wakaf, masyarakat dapat memahami dan mengaplikasikan konsep ini dengan lebih baik, memastikan keberkesanan pelaksanaan wakaf yang memenuhi tujuan syariat dan menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi negara.

Bagi memperkasakan lagi institusi pengurusan wakaf dalam mengurus legasi agung ini, mereka perlu melangkaui pendekatan program literasi sematamata. Pelbagai strategi boleh diambil dan mampu berperanan sebagai serampang dua mata; memperkasa institusi dan meningkatkan literasi. Sebagai contoh adalah dengan memperkenalkan model-model wakaf yang relevan dan mesra masyarakat moden, menggunakan pendekatan dakwah dan komunikasi mengikut aliran terkini seperti di media sosial, menjalin kerjasama dengan institusi pendidikan dan masjid sebagai saluran penyebaran ilmu dan berita serta yang tidak kurang pentingnya adalah meningkatkan ketelusan dan kecekapan tadbir urus agar keyakinan masyarakat terhadap institusi wakaf dapat diperkukuhkan. Jadual 6 merumuskan cadangan strategi yang dicadangkan.

Jadual 6: Cadangan Strategi Meningkatkan Literasi dan Keberkesanan Pengurusan Wakaf

Bil.	Isu / Keperluan Utama	Cadangan Strategi	Jangka Masa
1	Tahap literasi wakaf sederhana, terutamanya dalam aspek perundangan dan pelaksanaan	Menyediakan program pendidikan awam, seminar, dan modul pendidikan wakaf di sekolah	Jangka panjang
2	Akses maklumat wakaf masih terhad kepada saluran tertentu	Memanfaatkan media massa dan platform digital untuk penyebaran maklumat mesra pengguna	Jangka pendek & sederhana
3	Model wakaf kurang difahami masyarakat moden	Memperkenalkan model-model wakaf yang relevan dan mesra masyarakat moden	Jangka sederhana
4	Penglibatan institusi pendidikan dan masjid masih belum optimum	Menjalin kerjasama strategik dengan institusi pendidikan dan masjid untuk penyebaran ilmu	Jangka sederhana
5	Keyakinan masyarakat terhadap institusi wakaf	Meningkatkan ketelusan dan kecekapan tadbir urus wakaf	Berterusan

Cadangan ini diharapkan dapat menjadi panduan strategik bagi pihak berkepentingan seperti kerajaan, Majlis Agama Islam Negeri NGO dan Institut Pengajian tinggi serta ahli akademik untuk merancang dan melaksanakan inisiatif yang bukan sahaja meningkatkan tahap literasi wakaf dalam kalangan masyarakat, malah memperkukuhkan institusi yang menguruskannya. Pelaksanaan yang konsisten dan bersepadu akan memastikan potensi wakaf dapat direalisasikan sepenuhnya, seterusnya memberi impak positif terhadap pembangunan sosial dan ekonomi negara selaras dengan tuntutan syariah.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian hasil dapatan daripada penyelidikan yang bertajuk “Wakaf Ekonomi Sebagai Model Baharu Pembangunan Ummah Secara Mampan” di bawah geran tajaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK).

REFERENCES

- Ab Hamid, M. H., Mat Rani, M. A., & Ahmad Rosli, M. S. D. (2024). Empowering Families, Eradicating Poverty: Unleashing the Power of Zurri Waqf in Malaysia. *International Journal of Islamic Studies*, 33(3).
- Abiba, R. W., & Suprayitno, E. (2024). Optimalisasi Wakaf Produktif dalam Mendukung Upaya Pencapaian SDGs melalui Pemberdayaan Penternakan. *Al-Intaj: Jurnal Ekonomi Dan Perbankan Syariah*, 9(1), 109-123.
- Ahyani, H., Putra, H. M., Abdurohman, D., Mutmainah, N., & Slamet, M. (2024). Implementasi Rahmatan lil-alamin dalam Ekonomi Islam (Analisis alokasi dan distribusi pendapatan negara tentang eksistensi (Brand ekonomi syariah dan wakaf tunai) di Indonesia). *Jurnal BAABU AL-ILMI: Ekonomi Dan Perbankan Syariah*, 7(1), 28-46.
- Assahrah, M., Suarni, A. & MR, B. B. (2024). Analisis kefahaman literasi wakaf tunai di Indonesia. *Journal of Accounting, Management, Economics, and Business (ANALYSIS)*, 2(2), 106-118.
- Basiron, J., Zainal Abidin, M. Z., & Abd Razak, F. Z. (2024). Hubungan faktor-faktor penyertaan guru sekolah rendah di Mersing terhadap saham wakaf johor : satu kajian rintis. *Jurnal Al-Sirat*, 24(1), 78–94.
- Bougie, R., & Sekaran, U. (2020). Research Methods For Business: A Skill building approach. *John Wiley & Sons*.

- Fadilah, M. F., Mutiah, R., & Setiawan, I. (2024). Implementasi dan peran wakaf uang pada masa kesultanan Utsmaniyah. *Eks-Accuracy: Jurnal Ilmiah Akuntansi dan Keuangan*, 1(1), 18-25.
- Fitriyah, A., Masriyah, S., Saroyah, S., & Yuliana, I. (2024). Potensi wakaf saham di Indonesia dan kendala yang dihadapi perspektif maqashid syariah. *Al-Kharaj: Jurnal Ekonomi, Keuangan & Bisnis Syariah*, 6(5), 3676-3688.
- Hamid, C. K., Yahaya, S., Mat Hassan, S.H., Abdullah, S.R., & Noor Zainan, N.I. (2024). Pemerkasaan strategi institusi wakaf dalam mengurangkan bebanan ekonomi masyarakat akibat covid-19. *Global Journal Al-Thaqafah*, 1, 193–210. <https://doi.org/10.7187/gjatsi072024-13>
- Hamizah, M., Ariff, M., Markom, R., Izzat, M., Mohd, A., & Adenan, F. (2024). Pelaksanaan wakaf blockchain dalam sistem kewangan Islam di Malaysia. *International Journal of Islamic Studies*, 33(3).
- Hasbullah, M., Sulaiman, S., Hamir, H., & Rahman, A. (2024). Model tabdir urus zakat di universiti awam : perbandingan pusat wakaf dan zakat (pwz), dan pusat pengurusan wakaf , zakat dan endowmen (WAZAN). *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(2), 127–143.
- Hassan, R., Kassim, S., & Majid, N. A. (2018). Revitalizing Waqf Governance: A Theoretical Perspectives. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 11(3), 1–15.
- Herawati, L. (2020). Budaya literasi bahasa membangun daya saing bangsa. *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan*, 795–799.
- Ibrahim, A., & Ab Rahman, A. (2024). Tadbir urus syariah bagi penyelesaian isu-isu pembangunan wakaf di Malaysia: kajian kes di beberapa negeri terpilih. *Jurnal Syariah, Jil*, 32(March), 41–73.
- Iqbal, S. (2024). Konsep wakaf ahli (keluarga) menurut hukum islam dan hukum positif. *YUSTISI*, 11(3).
- Iskandar, I. (2020). Implementasi wakaf uang pada masa kesultanan Utsmaniyah. *Al Hisab: Jurnal Ekonomi Syariah*, 1(1), 1-7.
- Johori, M. R., Saidpudin, W., & Mohamad Rasit, R. (2024). Dimensi aset wakaf seni kandungan media digital. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 4(1), 40–55. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v4i1.94>
- Jusoh, R., & Mat, H. (2024). Faktor-faktor yang mempengaruhi niat berwakaf tunai melalui skim potongan gaji di Malaysia. *Journal of Management and Muamalah*, 14(1), 67–87. <https://doi.org/10.53840/jmm.v14i1.190>

- Kamaluddin, I., & Azhari, M. V. (2024). Analisis kebolehan wakaf tunai menurut maqashid syariah. *Jurnal Masharif Al-Syariah: Jurnal Ekonomi dan Perbankan Syariah*, 9(1).
- Kamarzaman, N., Ahmad, A. A., Zain, M. N. M., & Muda, M. Z. (2024). Peranan wakaf dalam penggerak ekonomi islam bagi menangani keterbatasan dana dalam penyelidikan dan inovasi di sektor pendidikan TVET *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 7(2), 290–308.
- Khamis, S. R., & Che Mohd Salleh, M. (2018). Study on the efficiency of cash waqf management in Malaysia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 4(1), 61–84. <https://doi.org/10.21098/jimf.v4i1.732>
- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2014). The economic importance of financial literacy: Theory and evidence. *American Economic Journal: Journal of Economic Literature*, 52(1), 5-44.
- Mahmood, R. H., Mustaffha, N., Musafar Hameed, L. B., & Johari, N. (2017). Pengurusan wakaf di Malaysia: isu dan cabaran. *4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017), 2017(ICoMM)*, 43–51.
- Marwal, M. I. (2024). Hukum wakaf: tinjauan komprehensif terhadap aspek hukum dan syariah. *Penerbit Tahta Media*.
- Masruroh, S., Nanggur, E., & Ngamal, U. A. (2024). peran wakaf dalam pengembangan ekonomi berkelanjutan: studi kasus di indonesia. *Indo-Fintech Intellectuals: Journal of Economics and Business*, 4(2), 490-500.
- Melinda, N. (2024). Pengaruh digitalisasi terhadap pengelolaan wakaf uang pada Badan Wakaf Indonesia (BWI) Provinsi Kalimantan Timur. *Rayah Al-Islam*, 8(1), 43-65.
- Mohamad, M. R., & Adnan, A. A. (2024). Pelaksanaan pembangunan tanah-tanah wakaf di Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). *'Abqari Journal*, 30(1), 96–115. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol30no1.575>
- Mohamed, N. A., Saufi, S., Abdul Ghani, H., & Muhammad Saleh, M. (2022). *Wakaf Ekonomi Sebagai Model Baru Pembangunan Ummah Secara Mampan*.
- Mohamed Yusof, M. F., Romli, N., Bhari, A., Khalid, M. M., & Yaakob, M. A. Z. (2024). Potensi penambahbaikan pelaksanaan wakaf pertanian dan peternakan: tinjauan literatur sistematik. *International Journal Of Islamic Studies*, 33(3).
- Mohd. Saharudin Bin Shakrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor, J. A. (2003). Tinjauan isu-isu yang membataskan penggunaan wakaf dalam pembangunan ekonomi ummah di Malaysia. *Jurnal Syariah*.

- Mohd Roslan, N. R. I., & Nor Muhamad, N. H. (2024). Waqf Reporting standardization: towards a comprehensive governance framework. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(1), 3072–3080. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v14-i1/20610>
- Nuradi, Nurul Huda, & Husnul Khatimah. (2024). Inovasi wakaf di era digital dalam mengoptimalkan potensi untuk pembangunan berkelanjutan di negeri berkembang. *El-Mal: Jurnal Kajian Ekonomi & Bisnis Islam*, 5(6), 3546–3559. <https://doi.org/10.47467/elmal.v5i6.2773>
- Pratama, C. R. P. (2024). Kefahaman masyarakat pada pelaksanaan sertifikat tanah wakaf dalam kajian manajemen wakaf (Studi kasus di kantor urusan agama sako Kota Palembang). *Jurnal Ekonomika Dan Bisnis*, 4(5), 767-773.
- Rahmah, S. Z., Munawar, W., & Aziz, I. A. (2024). Pengelolaan dan pemberdayaan wakaf produktif: studi program wakaf ternak lembaga wakaf al-Szhar di bandung. *Jurnal Iqtisaduna*, 34-48.
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Ghani, H. A., Noor, S., Puri, N., Bharu, K., Kelantan, M., & Saufi, S. (2021). Hubungan tahap kefahaman masyarakat terhadap sumbangan wakaf dengan kepercayaan terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*. <http://almimbar.kuis.edu.my>
- Syah, M. I., Piranda, K., Anes, M. R., & Zulfikar, Z. (2024). analisis peran zakat dan wakaf dalam pemberdayaan ekonomi masyarakat dalam perspektif ekonomi Islam. *Musytari: Neraca Manajemen, Akuntansi, dan Ekonomi*, 5(1), 51-60.
- Yusoff, R., Liyana, N., Yousop, M., & Mara, U. T. (2019). *Tadbir Urus Wakaf: Satu Kajian di Negeri Kelantan*.